

# Qalam

Bilangan 96 Zulhijah 1377 Julai 1958 70 sen

## Mari Berkorban!

Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar!

Demi Tuhan yang menjadikan alam semesta bahawa tidak ada saat yang lebih besar bagi umat Islam selain dari saat memperingati Hari Raya Korban, Hari Raya Aidil Adha, yang di dalamnya digambarkan pengorbanan yang maha besar yang belum pernah ada seumpamanya, iaitu pengorbanan yang dibuat oleh Nabi Ibrahim bersama-sama anaknya Nabi Ismail

‘Alayhi Wassalām.

Allāhu Akbar! Tidak ada seorang pun daripada kita yang tidak pernah mendengar pengorbanan itu tetapi tidak ada seorang pun daripada kita yang harus bertanya kepada dirinya: “Adakah kita telah memberi pengorbanan untuk Allah dan kerana Allah dalam menegakkan kalimah Tuhan?”

Allāhu Akbar! Kita telah banyak bercakap tetapi kita belum memberi pengorbanan dengan harta, tenaga dan jika perlu dengan darah pada jalan Allah, kerana itu marilah kita menyematkan azam di dada kita, di dalam menyambut Hari Raya Korban ini, dari satu masa ke satu masa bersedia berkorban untuk Allah dan kerana Allah dalam menegakkan kalimah Tuhan - *Āmīn*,  
*Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar Wa li'Llah al-Ḥamd.*

\* \* \*

## Mengharamkan Kitab Agama

Perkara kitab Ibadat Rasulullah karangan al-Ustadh Abu Bakar al-Ashaari telah menggemparkan ulama al-Shāfi‘iyyah di Persekutuan Tanah Melayu. Pemegang mohor Majlis Raja-raja Melayu telah meminta kepada tiap-tiap negeri di Persekutuan mengambil tindakan untuk mengharamkan kitab itu, dan bahasan itu telah diadakan di beberapa negeri

di Persekutuan, dikecualikan Perlis. Negeri-negeri yang lain, kerana asas perlembagaannya, bahawa agama Islam yang dikehendaki ialah agama Islam mengikut mazhab al-Imām al-Shāfi‘i telah mengambil bahagian dalam hal ini sedang perlembagaan Perlis yang tidak mau mengambil bahagian dalam membahas perkara ini ialah kerana perlembagaan kerajaan Perlis tidak hanya berpegang kepada mazhab al-Imām al-Shāfi‘i sahaja - kerana itu Perlis tidak akan mengharamkan kitab itu.

Tatkala penasihat-penasihat agama kepada Majlis Raja-raja Melayu yang seramai 18 orang mengambil keputusan meminta Majlis Raja-Raja Melayu mengharamkan kitab yang tersebut maka ulama-ulama dari Perlis dikatakan tidak mencampurinya. Tuntutan ini telah berjalan selama hampir-hampir tiga bulan. Alasan yang diberi untuk mengharamkan kitab itu, sepanjang yang diketahui, ialah kerana kitab itu berlawanan atau bertentangan dengan “pelajaran al-Imām al-Shāfi‘i yang menjadi pegangan orang-orang Islam di negeri ini.”

Perkara yang besar di dalamnya ialah perkara tidak ada yang haram selain daripada empat perkara seperti yang tersebut di dalam Surah al-Mā’idah iaitu yang diharamkan hanya bangkai, darah, daging babi dan sembelihan-sembelihan yang bukan dengan nama Allah. Selain daripada yang tersebut adalah dihalalkan Tuhan sedang kalau adapun yang lainnya, jika ada manik yang menegahnya hanyalah nisbah kepada hukum makruh sahaja - tidak haram. Alasan yang diberi kerana tidak ada hak manusia mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah dan begitu juga sebaliknya.

Pihak penerbit “Qalam” yang menerbitkan kitab itu dan juga banyak menerbitkan kitab-kitab yang berpengertian al-Shāfi‘iyyah telah memberi pendapatnya di dalam akhbar menyatakan bahawa setelah menyelidik dengan saksama bahawa ia berpuas

Negeri Sembilan.